Hauser & Rechsteiner, 2017). Oleh itu, MBPK lebih mudah memahami idea asas yang bersifat abstrak melalui pengalaman sebenar dengan penggunaan BBM yang menarik dan kreatif dalam sesi PdPC (Wang & Hung, 2018). Selain itu, MBPK dapat menambah pengetahuan dengan memerhati, menyiasat dan melibatkan diri secara aktif dengan alam semula jadi dan persekitaran manusia. Kesannya, MBPK dapat membina rasa yakin diri dalam pembelajaran dan sanggup mengambil risiko berdepan dengan pengalaman kegagalan (Zakiah Mohamad Ashari et al., 2019). Di samping itu, BBM boleh menggalakkan sikap positif dalam MBPK dan seterusnya menjadi inisiatif untuk menarik minat mempelajari Matematik melalui aplikasi yang kreatif dan menghiburkan (Linder Powers-Costella & Stegelin, 2011). Selain itu, sesuatu BBM yang kreatif mesti digunakan di dalam bilik darjah untuk membantu pengajar menggalakkan kefahaman pelajar dan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik (Lim, Fatimah, & Munirah, 2019). Selain itu, penggunaan BBM yang menarik dan asli ini menggalakkan pelajar berfikir di luar kotak semasa membangunkan strategi pengajaran mereka. BBM Matematik adalah penting, menurut Lim et al. (2019), bagi mengelakkan pembelajaran topik bertukar kepada pengalaman berbentuk 3B yang membosankan, mengelirukan dan membebankan MBPK.

Dari aspek kefahaman sesuatu konsep Matematik, MBPK perlu diberi perhatian bermula di peringkat awal khususnya terhadap kefahaman konsep operasi asas Matematik (Nurul Amalina Jajuli, 2018). Hal ini kerana MBPK yang dapat menguasai konsep operasi asas Matematik dapat menguasai konsep numerasi (LINUS KPM, 2017). Oleh yang demikian, guru Pendidikan Khas harus memahami sesuatu konsep dan isi pembelajaran yang berkesan agar dapat disampaikan dengan baik (Zainon et al. 2019). Selain menggunakan prosedur pengiraan dan teknik hafalan, MBPK yang



mempelajari Matematik di dalam bilik darjah juga mesti memahami konsep mata pelajaran tersebut secara menyeluruh untuk mencapai matlamat ini (Lu, 2018). Maka, tanpa mengira tahap kebolehan pelajar atau kriteria lain seperti jantina atau warna kulit, guru Pendidikan Khas mesti menggunakan alat bantu pengajaran bagi menarik minat mereka dalam usaha menggalakkan pembelajaran (Emran, 2012). Penggunaan BBM yang berinovatif dalam PdPc dapat memastikan MBPK mempunyai pengetahuan menyeluruh tentang topik yang dikaitkan dengan pengajaran Matematik serta dapat membantu guru pendidikan khas mengatasi isu dan cabaran dalam mata pelajaran mereka (Nurul Amalina Jajuli, 2018). Hasilnya, strategi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang digunakan oleh guru memberi kesan kepada isi pelajaran yang dipelajari oleh murid (Effendi Zakaria & Zanaton Iksan, 2017).



pendidikan khas mesti membina budaya dan suasana bilik darjah yang menyokong MBPK (Wentzel, 2015). Menurut kajian Ulutas dan Aksoy (2019), penggunaan BBM yang berinovatif melalui belajar sambil bermain boleh meningkatkan semangat dan motivasi MBPK dalam Matematik.

1.3 Pernyataan Masalah

Sistem pendidikan di Malaysia sedang berhadapan dengan fasa yang mencabar dalam era kontemporari. Menyedari hakikat itu, keperluan bagi menyediakan pendidikan yang seimbang, berkualiti dan menyumbang kepada kemenjadian MBPK dalam matapelajaran Matematik amatlah diperlukan. Bagi merealisasikan hasrat ini, kaedah





yang berkesan dalam mengatasi permasalahan ini boleh dicapai melalui penggunaan BBM Matematik yang kreatif dan inovatif seiring dengan kemajuan teknologi pendidikan. (Fatimah, 2019).

Bagi MBPK, pembelajaran Matematik dilihat sebagai topik yang mencabar dan membosankan (Entonado & Garcia, 2019). Proses PdPC Matematik, yang menekankan hafalan formula dan latihan serta keupayaan untuk menjawab soalan ujian dan pendidikan berpusatkan guru merupakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh guru (Koh, Choy, Lai, Khaw & Seah, 2018). Selain itu, menurut Zikri Awang dan Suhaida Abdul Kadir (2020), antara perkara yang menyumbang kepada hilangnya minat MBPK terhadap Matematik ialah pembelajaran berorientasikan peperiksaan. Akibatnya, MBPK lebih cenderung untuk mengingati dan menghafal maklumat daripada memahami konsep semasa guru mengajar pelajaran Matematik (Zulkeflee Yaacob, 2020). Sesi pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah merangkumi pelbagai kelemahan. Menurut penyelidikan Gerrit, Yumiko, dan John (2015) terhadap 46 guru-guru Pendidikan Khas Matematik, salah satu sebabnya adalah persepsi guru yang meletakkan kelebihan yang lebih tinggi kepada PdPC konvensional berbanding pengetahuan MBPK dengan penggunaan BBM. Bagi membolehkan MBPK mengembangkan minat terhadap Matematik dan seterusnya memahami idea dan kebolehannya, guru Pendidikan Khas perlu mengenal pasti dan mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka (Nurul Amalina Jajuli, 2018).

Berikutan kaedah pengajaran guru yang tidak berkesan, didapati MBPK juga tidak dapat memahami konsep asas Matematik (Zaidatol, 2018). Teknik dan kaedah yang berkesan amat penting untuk menarik minat dan mengembangkan kefahaman





mereka tentang konsep Matematik terutamanya dalam operasi asas iaitu darab dan bahagi. MBPK yang mempunyai pelbagai kemahiran, potensi, pintar cerdas akan belajar dan menyelesaikan aktiviti dengan pantas mengikut kefahaman mereka. Murid yang lemah mengambil masa yang lebih lama untuk memahami dan menguasai sesuatu mata pelajaran baharu. Seramai 54,000 murid tahun satu tidak memahami konsep asas numerasi, seperti pra-nombor, operasi asas, dan konsep lain. Di peringkat sekolah rendah, kira-kira 32,000 kanak-kanak pada 2017 tidak dapat menguasai konsep numerasi (LINUS KPM, 2017). Kegagalan menguasai konsep asas mata pelajaran yang diajar merupakan salah satu faktor yang membawa kepada kejatuhan penguasaan murid dalam numerasi. Hanya 46% murid tahun satu lulus dalam saringan numerasi kali pertama bagi murid tahun satu (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2017). Oleh yang demikian, kefahaman konsep asas Matematik perlu dititikberatkan dalam kalangan



MBPK bermula pada peringkat awal.

Setiap MBPK perlu mahir dalam konsep asas Matematik kerana perkara tersebut dapat membantu mereka dalam penguasaan tentang konsep-konsep yang lain dalam topik Matematik berikutnya (Westwood, 2018). Tanpa mengira status sosioekonomi, majoriti MBPK tidak mempunyai kemahiran formal dalam menguasai konsep asas Matematik (Russell & Ginsburg, 1984). Menurut Baroody (2020), tidak kira bagaimana idea, simbol atau kemahiran Matematik yang diajar di sekolah, seseorang MBPK akan lebih memahami konsep Matematik dan cuba menggunakan kemahiran formal ini berdasarkan pengetahuan Matematik tidak formal mereka sebelumnya. Siti Rahaimah (2014) menegaskan MBPK boleh menunjukkan jalan kerja yang teratur bagi setiap operasi Matematik dan dapat menghubungkan kaitan antara soalan dengan topik yang berkaitan, seperti operasi darab dan bahagi dengan





menguasai konsep asas Matematik dalam Pendidikan Khas. Oleh itu, MBPK boleh memberikan jawapan yang betul dengan bantuan pengetahuan konsep Matematik terutamanya jika terdapat soalan yang memerlukan pemahaman dan aplikasi konsep asas Matematik (Luke & Freebody, 1999). Selain itu, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa MBPK mempunyai pelbagai kesukaran dalam memahami dan memahami konsep operasi asas pendaraban dan pembahagian. Patricia (2019) mendapati bahawa sebilangan kecil MBPK dalam satu aliran sekolah itu masih bergelut dengan masalah operasi darab dan bahagi. Hal ini boleh berlaku kerana MBPK sukar untuk memahami dan memahami konsep di sebalik kedua-dua operasi Matematik ini. Ini disebabkan oleh persepsi bahawa kegagalan untuk memahami konsep operasi darab dan bahagi dengan jelas adalah kesilapan biasa yang dilakukan oleh MBPK (Chieng, 2011).



Ngan (2016) mendapati sebelas daripada empat puluh lima MBPK gagal menguasai kemahiran operasi darab dan bahagi. Mereka hanya mengingati dan menghafal sifar darab 10 sahaja. Hal ini kerana MBPK masih keliru dengan konsep operasi darab dengan operasi bahagi. Patricia (2019) mendapati, MBPK tidak menguasai konsep asas operasi darab walaupun menggunakan BBM dekak-dekak. Penggunaan BBM dekak-dekak menyebabkan mereka keliru dan gagal membina konsep asas operasi darab. Tan (2020) menyatakan bahawa MBPK yang tidak boleh menjawab soalan operasi darab dengan baik kerana tidak memahami bahawa konsep operasi darab adalah melalui penambahan berulang. Mereka hanya bergantung kepada penghafalan sifar sahaja. Chan (2020) menyatakan bahawa MBPK tidak begitu berminat dengan penghafalan sifar setelah mendapati kaedah kotak ajaib atau *lattice* lebih seronok, ceria dan mudah difahami. Yip (2011) mendapati sebahagian MBPK





tahun empat berupaya menghafal sifir darab tetapi tidak dapat memahami maksud dan konsep pendaraban. Mereka keliru dan mencampur adukkan penggunaan operasi darab dan bahagi apabila menjawab soalan penyelesaian masalah.

Chong (2011) menyatakan bahawa setiap guru dijangkakan menemui sekurang-kurangnya seorang murid yang melakukan kesalahan sistematik bagi setiap tahun. Sebaik sahaja kesalahan sistematik dikenalpasti, tindakan susulan secara sistematik mampu membawa kejayaan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesalahan sistematik dalam bahagi yang dimaksudkan adalah seperti menulis hasil bahagi di tempat yang salah dan tidak mengenal pasti nilai tempat dalam soalan bahagi bentuk lazim. Selain itu, dua daripada empat orang murid tahun tiga kurang memahami algoritma pembahagian. Mereka kurang mahir mencari hasil bahagi yang sesuai semasa membahagikan nombor dengan pembahagi dan tidak tahu nilai tempat dalam soalan pembahagian. Munirah, Syarifah, Zurida, Shafia dan Fatimah (2019) mendapati murid tahap satu menghadapi masalah lambat menyalin tulisan guru yang melukis gambar objek di papan putih dalam menerangkan konsep operasi asas matematik. Selain itu, kaedah melukis gambar objek sangat berkesan dan sesuai digunakan bagi memahami konsep operasi tolak dalam lingkungan sepuluh. Namun begitu, sekiranya PdPC Matematik dimurnikan menggunakan kaedah bahan maujud dalam bentuk BBM yang berkaitan sudah pasti ia dapat membantu MBPK memahami sesuatu konsep Matematik dengan lebih menarik dan berkesan (Ra Fiona, 2012).

Chong (2011) telah membina BBM yang dinamakan Garis Nombor Konkrit menggunakan konsep garis nombor berdasarkan sifir 6, 7, 8 dan 9. Namun, penggunaannya tidak dapat dikembangkan kepada operasi asas tambah dan tolak. Ianya





juga hanya menggalakkan murid mendapatkan jawapan dengan bergantung kepada alat tersebut tanpa menguasai konsep asas operasi tambah, tolak, darab dan bahagi. Penggunaan BBM Garis Nombor Konkrit juga tidak dibenarkan sewaktu ujian dan peperiksaan. Kesedaran dan penemuan yang selaras dengan kemajuan dan teknologi mempengaruhi pendekatan kepada pembinaan BBM. BBM amat penting dalam menentukan kejayaan sesi pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan murid untuk mengetahui sesuatu dan menjadikan pembelajaran lebih baik dan menarik (Lim et al., 2003). BBM yang pertama telah dicipta oleh Friederich Froebel pada akhir tahun 1880-an yang bertujuan untuk membina kefahaman konsep dalam matematik. Froebel mencipta alat permainan yang berupa bongkah geometri untuk pendidikan awal kanak-kanak yang dikenali sebagai *Froebel Gifts* atau *Froebelgaben* (Boggan, Harper & Whitmie, 2010). Maria Montessori yang merupakan pendidik dari Itali telah membuktikan kepentingan penggunaan BBM dalam peningkatan penguasaan murid terhadap konsep matematik pada awal tahun 1990-an (Boggan et al., 2010). Pendidik dari Itali ini telah mencipta beberapa BBM bagi membantu kefahaman murid terhadap asas matematik pada peringkat awal kanak-kanak. Justeru itu, penggunaan BBM amat penting untuk mencapai objektif pembelajaran serta menghasilkan suasana PdPc yang kondusif dan berkesan (Allen, 2017).

Shaw (2017), juga menegaskan penggunaan BBM diperlukan bukan sahaja untuk membantu kefahaman murid terhadap konsep Matematik malah membantu murid berfikir di luar kotak dengan mengembangkan idea dan pemikiran mereka. Dalam mendepani senario pendidikan yang mencabar pada masa kini dan akan datang, penggunaan BBM yang berinovasi merupakan satu keperluan dalam sesi PdPC. Bagi mengkaji masalah ini, penyelidik telah menghasilkan BBM yang dinamakan Inovasi





Kit Operasi Matematik (I-KOAM) bagi membantu meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid terhadap operasi asas Matematik. I-KOAM merupakan BBM yang menarik, dapat disentuh, dipegang dan diteroka sendiri oleh MBPK. I-KOAM juga mudah digunakan, dibawa dan disimpan. Justeru itu, tumpuan kepada keberkesanan penggunaan I-KOAM sebagai BBM diharapkan dapat membantu MBPK dalam meningkatkan pencapaian dan menarik minat mereka terhadap mata pelajaran matematik sekaligus meningkatkan kefahaman dalam konsep operasi asas Matematik iaitu darab dan bahagi.

1.4 Tujuan kajian



Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan mengenal pasti penggunaan Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM) dalam pembelajaran operasi darab dan bahagi murid masalah pembelajaran Tahun Empat.

1.5 Objektif Kajian

Secara spesifiknya, objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengkaji perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan I-KOAM dalam meningkatkan pencapaian ujian pra antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.



- ii. Mengkaji perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- iii. Mengkaji perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- iv. Mengkaji perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- v. Mengkaji hubungan yang signifikan terhadap ciri-ciri I-KOAM yang signifikan dengan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Matematik Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Tahun Empat meningkatkan PdPC guru semasa mengajar konsep operasi asas darab dan bahagi.

Berdasarkan objektif, persoalan kajian ialah:

- i. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan I-KOAM dalam meningkatkan pencapaian ujian pra antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- ii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- iv. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan terhadap ciri-ciri I-KOAM yang signifikan dengan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Matematik Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Tahun Empat meningkatkan PdPC guru semasa mengajar konsep operasi asas darab dan bahagi.

1.7 Hipotesis Kajian

Dalam kajian ini, terdapat beberapa hipotesis yang terlibat iaitu:

- H₀₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap penggunaan I-KOAM dalam meningkatkan pencapaian ujian pra antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- H₀₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap peningkatan pencapaian dalam ujian pasca antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- H₀₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pra bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- H₀₄: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara operasi darab dan operasi bahagi dalam ujian pasca bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
- H₀₅: Tidak terdapat terdapat hubungan yang signifikan terhadap ciri-ciri I-KOAM yang signifikan dengan Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) Matematik Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Tahun Empat meningkatkan PdPC guru semasa mengajar konsep operasi asas darab dan bahagi.




1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian adalah untuk menjelaskan aspek yang berkaitan dengan teori atau konsep yang menjadi dasar dalam kajian yang dijalankan. Kerangka konsep dibina adalah untuk meramal dan menerangkan sesuatu fenomena secara sistematik (Wiersna, 2020).

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian ini. Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah penguasaan murid dalam dua operasi asas matematik iaitu darab dan bahagi. Pemboleh ubah bebas pula adalah kaedah PdPc yang terdiri daripada kaedah konvensional untuk kumpulan kawalan dan PdPc secara konstruktivisme dengan menggunakan I-KOAM untuk kumpulan rawatan. Dalam kajian ini, ciri-ciri pembelajaran secara konstruktivisme telah diambil dan diguna pakai dalam membina I-KOAM dan melaksanakan PdPc menggunakan I-KOAM untuk kumpulan rawatan.

Model 3P yang telah dicadangkan oleh Tran Vui (1999) iaitu pertama ialah pengetahuan yang diterima, kedua ialah pengetahuan sedia ada dan ketiga ialah pengetahuan baharu yang telah dibina serta dimasukkan dalam elemen visual. Elemen visual yang mempunyai empat ciri menggunakan Model ITPC yang telah dicadangkan oleh Woods (2001), iaitu gambaran, pemindahan, meramal dan pengesahan. Kesemua ciri yang terdapat dalam Model 3P dan Model ITPC di bawah pembelajaran secara konstruktivisme dengan menerapkan elemen visual ini digunakan dalam PdPc menggunakan I-KOAM dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran Tahun Empat.





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, definisi beberapa istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

1.9.1 Penggunaan

Penggunaan adalah satu perihal yang menunjukkan seseorang melakukan perbuatan, aktiviti atau kegiatan dengan menggunakan sesuatu benda atau alat (Norliza Mohamed, 2019). Dalam kajian ini, penggunaan Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM) adalah berfokus kepada penggunaan sebagai bahan bantu mengajar guru Pendidikan Khas dalam pengajaran dan pemudahcaraan Matematik topik operasi asas darab dan

1.9.2 Inovasi

Inovasi adalah tindakan individu atau ahli-ahli yang terdapat dalam suatu sistem sosial yang mengemukakan suatu idea, amalan atau objek baharu dalam sesuatu bidang yang memberikan impak tinggi kepada pengguna di samping mengurangkan kos. Selain itu, inovasi boleh berlaku melalui penghasilan produk, perkhidmatan dan turut mengubah paradigma baharu dalam masyarakat apabila inovasi tersebut diperkenalkan dan digunakan di pasaran (Sazlyra Mohd Arshad, 2012). Dalam konteks kajian ini, penyelidik mengaplikasikan idea baharu dalam penghasilan bahan bantu mengajar



Matematik bersifat maujud iaitu Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM) bagi memudahkan guru Pendidikan Khas mengajar topik operasi asas darab dan bahagi.

1.9.3 Kit Pembelajaran

Merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2003), kit didefinisikan sebagai set bahagian-bahagian yang sedia untuk dipasang. Pemasangan bahagian-bahagian ini seterusnya akan menghasilkan satu benda baharu. Dalam kajian ini, Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM) digunakan sebagai kit dalam pembelajaran Matematik untuk topik operasi asas darab dan bahagi. Kit pembelajaran merupakan bahan pengajaran yang lengkap bagi pembelajaran sesuatu topik. Dalam erti kata lain, kit pembelajaran merupakan bahan bantu mengajar yang direka secara maujud. Kebiasaannya, kit pembelajaran ini disimpan di dalam suatu bekas seperti plastik, kotak, kayu dan sebagainya (Nurul Haniza Samsudin, 2017).

1.9.4 Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM)

Inovasi Kit Operasi Asas Matematik atau akronimnya ialah I-KOAM adalah bahan bantu mengajar maujud yang direka oleh penyelidik untuk pembelajaran Matematik bagi topik operasi asas iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi. Bahan bantu mengajar ini diinovasikan daripada permainan tradisional congkak. Ia berbentuk kuboid dan diperbuat daripada kayu, paip PVC dan bahan terbuang seperti botol plastik. Bahan-bahan lain yang dibekalkan dalam I-KOAM adalah seperti guli, papan tulis mini,





penyambung bateri, penyambung elektrik dan bateri. Ia boleh digunakan sama ada menggunakan sumber bekalan elektrik atau bateri. Murid menggunakan guli sebagai medium pembilang dalam setiap operasi Matematik bagi menyelesaikan operasi asas Matematik. Dalam kajian ini, I-KOAM lebih tertumpu kepada operasi darab dan operasi bahagi sahaja.

1.9.5 Operasi Asas Darab dan Bahagi

Menurut Nurul Amalina Jajuli (2018), operasi asas Matematik terdiri daripada operasi tambah (+), operasi tolak (-), operasi darab (x) dan operasi bahagi ($\div$). Dalam kajian ini, operasi asas yang dipilih adalah operasi asas darab dan bahagi. Operasi asas darab melibatkan bilangan kumpulan dan terdiri daripada ahli di dalam kumpulan. Selain itu, operasi darab juga merupakan pengulangan penambahan. Operasi bahagi pula merupakan satu kumpulan objek yang diagihkan kepada beberapa kumpulan kecil. Operasi bahagi juga boleh dikaitkan dengan kemahiran penolakan berulang (Norazilawati, Noraini, Mahizer, Nik Azmah & Rumaizah, 2015).

1.9.6 Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Menurut Mohd Faez Ilias (2014), bahan bantu mengajar (BBM) adalah sebarang bahan, peralatan, objek atau mesin yang digunakan oleh guru bagi menjelaskan atau memudahkan kefahaman murid dalam sesuatu mata pelajaran. Selain itu, Eric (2009) menyatakan bahawa bahan bantu mengajar adalah suatu bahan sokongan atau bantuan



yang digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Dalam konteks kajian ini, bahan bantu mengajar yang digunakan adalah Inovasi Kit Inovasi Asas Matematik (I-KOAM).

1.9.7 Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran

Menurut Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran bermaksud murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan antaranya masalah pembelajaran. Selain itu, menurut Farizan Che Musa (2020), murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran ialah murid yang mempunyai ketidakupayaan atau kekurangan dalam kemahiran motor halus. Dalam konteks kajian ini, murid pendidikan khas masalah pembelajaran ialah murid Tahun Empat yang belajar di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI).

1.9.8 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)

Menurut Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 1997, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) adalah percantuman program di sekolah rendah atau sekolah menengah yang mempunyai murid ketidakupayaan penglihatan, pendengaran atau masalah pembelajaran. Tambahan pula, menurut Adibah Abdul Rahman (2014), PPKI juga adalah satu program pendidikan inklusif bagi murid

berkeperluan pendidikan khas yang boleh menghadiri di dalam kelas biasa bersama-sama dengan murid arus perdana. Dalam konteks kajian ini, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran yang terlibat adalah di sekolah rendah.

1.9.9 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)

Menurut Suzanna Zainudin (2020), dalam aspek pembelajaran, seorang guru merupakan seorang perancang, pengawal, pembimbing dan pendorong terhadap motivasi murid-murid bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas berjalan dengan lancar. Dalam aspek pemudahcaraan pula, guru boleh mempamerkan kreativiti dan berinovatif dalam mewujudkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Dalam konteks kajian ini, BBM I-KOAM digunakan dalam sesi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bagi mengajar operasi asas darab dan bahagi bagi mewujudkan suasana PdPc yang menyeronokkan dan bermakna.

1.9.10 PdPc Konvensional

PdPc konvensional merujuk kepada kaedah pengajaran berpusatkan guru dan pelajar membuat latihan secara individu. Guru menyampaikan isi kandungan pengajaran atau penerangan sesuatu konsep manakala pelajar duduk di tempat duduk masing-masing (Nurul Amalina Jajuli, 2018). Menurut Manzo (2016), kaedah ini menghalang pemikiran konstruktif. Daya ingatan murid menjadi penekanan utama. Dalam konteks



kajian ini, pembelajaran konvensional adalah pembelajaran yang menggunakan chalk and talk dalam proses PdPc di dalam bilik darjah. Kumpulan kawalan ini diajar secara konvensional.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas di Program Pendidikan Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran di sekolah rendah Daerah Hulu Selangor yang melibatkan 50 orang responden Tahun Empat. Maka kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada semua PPKI. Walaupun I-KOAM dapat digunakan untuk mengajar keempat-empat konsep asas matematik iaitu tambah, tolak, darab dan bahagi, kajian ini hanya membataskan untuk dua operasi sahaja iaitu operasi darab dan bahagi selaras dengan sukatan pelajaran KSSR Pendidikan Khas (Masalah Pembelajaran) Matematik Tahun Empat.

Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran, tajuk darab dan bahagi merupakan tajuk yang baru diperkenalkan kepada MBPK masalah pembelajaran di Tahun Empat berbanding tajuk operasi tambah dan tolak yang telah dipelajari dalam sukatan pelajaran semasa di Tahun Satu, Dua dan Tiga. Maka, responden belum mempelajari tentang konsep asas darab dan bahagi. Oleh itu, kajian ini membataskan kepada penguasaan konsep operasi asas darab dan bahagi sahaja dalam bentuk konsep asas ayat matematik mudah.



1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini melibatkan penggunaan I-KOAM sebagai BBM yang digunakan dalam PdPc Matematik di kelas Tahun 4 Program Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran di sebuah sekolah. PdPc menjadi lebih efektif dan dapat mencapai objektif pengajaran yang dihasratkan. Guru akan lebih yakin mengajar dengan bantuan I-KOAM yang mudah digunakan.

Penggunaan I-KOAM amat penting bagi MBPK masalah pembelajaran. I-KOAM membantu MBPK MP memahami dan mengingat isi pelajaran secara visual. Menurut Noraini (2016), kemahiran visualisasi merupakan asas dalam memahami isi pelajaran dan meningkatkan penguasaan murid memahami konsep asas. Kemahiran visualisasi murid juga dapat dikembangkan berbantuan aktiviti yang memerlukan pergerakan psikomotor melibatkan kemahiran motor halus iaitu kemahiran bermain dan menggunakan koordinasi mata dan tangan. Secara tidak langsung, MBPK masalah pembelajaran membina pengetahuan melalui pengalamannya sendiri. Pembelajaran MBPK masalah pembelajaran secara formal dan tidak formal menjadi lebih menyeronokkan. Keseronokkan pembelajaran cara ini dapat mengubah persepsi MBPK masalah pembelajaran terhadap mata pelajaran Matematik yang selama ini dianggap sukar dan membosankan.

Ibu bapa juga memainkan peranan penting selain guru dalam meningkatkan kefahaman murid. Adalah penting pelajaran yang dipelajari di sekolah diulang semula di rumah dengan bimbingan ibu bapa atau penjaga. Ciri-ciri I-KOAM yang dapat digunakan untuk mengajar konsep asas operasi tambah, tolak, darab dan bahagi hanya



dengan menggunakan satu BBM amatlah praktikal dan relevan. Penggunaan I-KOAM dapat membantu ibu bapa membimbing anak mereka dalam meningkatkan kefahaman konsep operasi asas matematik.

I-KOAM boleh digunakan secara meluas bukan sahaja dalam bidang pendidikan khas masalah pembelajaran, bahkan untuk semua peringkat murid di sekolah rendah. Penggunaan I-KOAM dapat diaplikasikan untuk keempat-empat operasi asas matematik iaitu operasi tambah, tolak, darab dan bahagi dalam lingkungan 100. Dalam kajian ini, penggunaan I-KOAM dibataskan untuk operasi darab dan bahagi sahaja bagi memenuhi sukatan mata pelajaran KSSR Pendidikan Khas Matematik Masalah Pembelajaran Tahun Empat. Selain itu, kajian ini dapat membuka minda lebih ramai pendidik tentang keberkesanan penggunaan I-KOAM. Ia secara tidak langsung dapat menyumbang kepada peningkatan peratus penguasaan saringan numerasi dalam Program Literasi dan Numerasi Sekolah Rendah (PLaN) yang diperkenalkan oleh KPM. Program ini mensasarkan objektif untuk memastikan semua murid Tahun Dua dan Tahun Tiga boleh menguasai sekurang-kurangnya tahap penguasaan minimum iaitu Tahap Penguasaan 3 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik.

1.12 Kesimpulan

Bab ini secara amnya membincangkan secara rasional, objektif dan kepentingan kajian ini dijalankan. Kajian ini lebih berkisar kepada keberkesanan penggunaan Inovasi Kit Operasi Asas Matematik (I-KOAM) yang dibina oleh penyelidik untuk meningkatkan





pencapaian penguasaan konsep operasi asas matematik MBPK masalah pembelajaran dalam operasi asas darab dan bahagi. Keberkesanan ini dapat dilihat dengan membandingkan pencapaian Ujian Pra dan Ujian Pasca antara kumpulan rawatan yang menggunakan I-KOAM dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional.

Selain itu, kajian turut meninjau keberkesanan penggunaan I-KOAM dalam PdPc KSSR Pendidikan Khas Matematik Masalah Pembelajaran Tahun Empat bagi topik operasi asas darab dan bahagi bagi kumpulan rawatan yang menggunakan I-KOAM dan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah PdPc konvensional. Diharapkan agar penggunaan I-KOAM dapat mendorong guru-guru mengubah kaedah PdPc mereka untuk merangsang minat dan motivasi murid terhadap Matematik dan seterusnya meningkatkan penguasaan konsep operasi asas matematik khususn

